



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 21 MEI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **90 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak **5,796 kes** (82.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Justeru, bilangan kes pulih adalah hampir dua kali ganda kes baharu yang dilaporkan.

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 21 Mei 2020 jam 12:00 tengah hari, terdapat **50 kes**, baharu yang telah dilaporkan. Oleh itu, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **7,059 kes** dan jumlah **kes aktif** dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah **1,149 kes**. Ingin dimaklumkan daripada 50 kes baru yang dilaporkan, tiga (3) kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 47 kes penularan tempatan, 41 kes adalah bukan warganegara Malaysia di mana 34 kes telah dikesan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) di Bukit Jalil. Mereka ini telah

berada di dalam tahanan sejak sebelum bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020.

Sehingga kini, terdapat **10 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada** kes kematian berkaitan COVID-19 setakat ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **114** kes (1.61 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

### **KLUSTER DEPOT TAHANAN IMIGRESEN DI BUKIT JALIL**

Ingin dimaklumkan bahawa terdapat satu kluster baru yang telah dikesan di Depot Tahanan Imigresen di Bukit Jalil. Sehingga 21 Mei 2020 jam 12 tengah hari, seramai 645 orang telah disampel secara keseluruhan di mana:

- 35 kes positif COVID-19 dikesan;
- 400 kes negatif COVID-19; dan
- 210 orang masih menunggu keputusan

Kesemua 35 kes positif tersebut adalah melibatkan bukan warganegara Malaysia, iaitu:

- 17 warga Myanmar;
- 15 warga India;
- Satu (1) warga Sri Lanka;
- Satu (1) warga Bangladesh; dan
- Satu (1) warga Mesir.

Pelbagai aktiviti pencegahan dan kawalan telahpun dijalankan misalnya, aktiviti nyah kuman, pendidikan kesihatan seperti penjagaan kebersihan diri, kerap mencuci tangan dengan air

dan sabun serta penekanan mengenai penjarakan sosial. Punca jangkitan adalah masih dalam siasatan.

KKM telah menyediakan perkhidmatan kesihatan ke semua pusat depot tahanan secara berjadual. Perkhidmatan ini diberikan oleh pasukan kesihatan dari Klinik Kesihatan yang terdekat. Anggota pasukan kesihatan ini adalah terdiri daripada Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat Terlatih dan Jururawat Masyarakat.

Pelbagai perkhidmatan yang telah diberi seperti:

- rawatan penyakit ringan,
- rawatan awal kecemasan,
- pemeriksaan kesihatan ibu hamil, kesihatan bayi dan kanak-kanak termasuk suntikan imunisasi berdasarkan jadual imunisasi kebangsaan.

Kes-kes yang memerlukan rawatan pesakit dalam dan kes kecemasan seperti ibu yang bakal bersalin akan dirujuk ke hospital KKM yang berdekatan. Kesemua perkhidmatan yang diberikan ini tidak dikenakan sebarang Caj Fi.

Bagi memastikan kes-kes jangkitan COVID-19 dapat dikesan sepenuhnya, KKM melalui Pejabat Kesihatan Daerah akan meneruskan tindakan seterusnya iaitu menggunakan pendekatan tertumpu (*targeted approach*), misalnya:

- Siasatan, pengesanan kontak rapat, penilaian risiko oleh pihak yang berkaitan;
- Saringan gejala dan persampelan untuk mengesan kes secara aktif;
- Kes positif akan diisolasi dan dirawat di hospital, manakala kontak rapat akan diletakkan di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak COVID-19 di bawah Seksyen 15(1) Akta 342.

KKM akan terus bekerjasama dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi Kerajaan bagi pengurusan kes COVID-19 yang melibatkan Depot Tahanan Imigresen.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihatkan orang ramai agar mengambil tanggungjawab sosial (*social responsibility*) dalam memerangi wabak COVID-19 di Malaysia dengan kekal patuh kepada S.O.P iaitu:

- **S**: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O**: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P**: Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Orang ramai turut diingatkan supaya patuh kepada 3S / 3C dan 3W seperti disarankan oleh KKM:

- **Elakkan 3S / 3C**: iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W**: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi;

- Duduk di rumah dan hanya keluar sekiranya ada urusan penting sahaja;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

21 Mei 2020 @ 4.30 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 21 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	96
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	255
<b>SELANGOR</b>	8	1,673
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	2 (1)	778
<b>MELAKA</b>	0	215
<b>JOHOR</b>	0	669
<b>PAHANG</b>	1	339
<b>TERENGGANU</b>	0	111
<b>KELANTAN</b>	0	156
<b>SABAH</b>	0	338
<b>SARAWAK</b>	0	544
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	39 (2)	1,637
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	93
<b>W.P. LABUAN</b>	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>50 (3)</b>	<b>7,059</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import